

Newspaper	Berita Harian
Date	22/3/2013

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali, Haika Khazi, Amin Ridzuan Ishak, Nor Fazlina Abdul Rahim, Mohd Izham Unnip Abdullah dan Poliana Ronnie Sidom
bhnews@bharian.com.my

Pengikut buru Agbimuddin

BH - 22/3/2013

» **Ketua pengganas sembunyi di pulau selepas tinggal ahli kumpulan**

▀ Lahad Datu

Ketua pengganas, Agbimuddin Kiram, yang belot dan meninggalkan pengikutnya untuk berhadapan dengan pasukan keselamatan dipercayai menyembunyikan diri di sebuah pulau kecil di selatan Filipina.

Agbimuddin yang mengetuai serangan di Lahad Datu, cabut lari sejak 11 Mac lalu, seminggu selepas Ops Daulat dilancarkan.

Tindakan diplomasi

Panglima Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Jeneral Tan Sri Zulkifeli Mohd Zin, berkata maklumat itu diperoleh hasil risikan pasukan keselamatan yang mendapati dia kini bersembunyi di pulau kecil selatan Filipina bagi mengelak ditangkap pasukan keselamatan negara berkenaan.

Katanya, Agbimuddin di-



Anggota polis membawa keluar salah seorang daripada lapan pengganas selepas dibicarakan di Mahkamah Tinggi Tawau, semalam. [FOTO BERNAMA]

percaya bersembunyi daripada dikesan pengikutnya di selatan Filipina kerana bimbang keselamatannya terancam berikutan tindakan meninggalkan kumpulan pengganas pimpinannya di FELDA Saba-

bat. “Dia sekarang bergerak dengan kumpulannya dari pulau kecil ke pulau kecil lain dan berapa jumlah pengikutnya kita tidak pasti,” katanya di sini, semalam.

Mengulas dakwaan sebuah blog yang mengatakan ketua

pengganas itu mati ditembak pengikutnya sendiri sebelum dikebumikan, Zulkifeli mana-

fikan dakwaan itu. “Kita tidak tahu sumber saluran berita itu... maklumat yang kita dapat, dia masih hidup. Kita tidak pasti ia disebarkan hanya untuk mengelirukan pengikutnya,” katanya.

Zulkifeli berkata, pihaknya tidak mempunyai kuasa untuk menghantar pasukan keselamatan menjejaki ketua pengganas itu di Filipina kerana itu luar bidang kuasa ATM.

